

# ////////// Kebudayaan Islam //////////

## Rahsia Tulisan Melayu

### Menurut pandangan Islam

Isi syarahan saudara Abdullah Basmeh, di radio Malaya Singapura, yang telah disiarkan pada 29 Jun yang lalu dalam halaman “Kebudayaan Melayu” – P. Q.

////////// (oleh: Abdullah Basmeh) //////////

Ribut taufan sudah bertiup  
Dari barat datangnya sayup  
Hujan tamadun turun bersayup  
Bumi Melayu habislah kuyup.

Bumi kuyup Melayu pun basah  
Bangsa, bahasa, kena lisah  
Huruf pusaka mula disesah  
Sampai pakaian kena belasah.

Adat resam sudah terendam  
Perasaan bangsa hampirkan padam  
Nasihat Islam menjadi jadam  
Fikiran barat sudah menggodam.

Tuan boleh berbahasa barat  
Boleh memakai seluar sekerat  
Dansing pijama tidaklah berat  
Bolehkah tuan menukar aurat?

Kalau aurat boleh ditukar  
Darah Melayu silalah bakar  
Rumah jangan dibentang tikar  
Dapur jangan ada berlakar.

Huruf Jawi kalau dipakai  
Bukan maknanya yang kita sakai  
Huruf barat faham bertikai  
Bukannya huruf dari *sky*.

Elok-elok kalau meniru  
Merah jangan dikata biru  
Bakul jangan disangka nyiru  
Akhirnya kita jatuh keliru.

Demikian sebuah syair yang saya pilih menjadi mukadimah, menjadi pendahuluan, menjadi pembuka kata, bagi *maudu*<sup>c</sup> yang saya hendak huraikan pada hari ini.

Dua perkara yang menyebabkan saya memilihnya, pertama kerana syair yang bersemangat melayu ini ialah ciptaan sahabat saya yang dikasihi, Allahyarham Tuan Haji Abdul Rahim Kajai, wartawan Melayu yang masyhur. Kedua kerana syair ini tepat menggambarkan bagaimana cintanya, tepat menggambarkan bagaimana teguhnya, tepat menggambarkan bagaimana setiap orang Melayu mempertahankan tulisan kebangsaannya, mempertahankan tulisan agamanya, mempertahankan tulisan pusakanya, mempertahankan tulisan yang menjadi simbol kebudayaan Islamnya, iaitu “tulisan Jawi” atau yang betulnya: “tulisan Melayu”!

“Jangan dikata tulisan Jawi, tetapi sebutlah tulisan Melayu!” begitulah amanah Allahyarham Tuan Haji Muhammad bin Haji Muhammad Sa‘id, Datuk Laksamana Kelantan, seperti yang diriwayatkan oleh Allahyarham Tuan Haji Muhammad bin Datuk Muda Linggi, di dalam bukunya: “Tarikh Surat khabar”. Begitulah juga amanah Allahyarham Datuk Haji Muhammad Sa‘id, pendeta Bahasa Melayu Johor yang terkenal, dan begitulah sebutan bijak pandai Melayu yang masih hidup dan yang telah meninggal, bahkan begitulah yang disebut – hingga hari ini – oleh delapan puluh juta saudara-saudara kita bangsa Indonesia. Mereka menyebutnya tidak lain dan tidak bukan, melainkan: “tulisan Melayu”!

Betul, perkataan “Jawi” telah lazim dipakai oleh kita di sebelah di sini, tetapi itu tidak bermakna betul menepati Bahasa Melayu dan sejarah perkembangan tulisan Melayu. Tulisan ini yang sebenarnya orang Melayulah yang mula-mula memakainya di alam Melayu. Orang Melayulah yang mula merasmikan menjadi tulisan kebangsaannya. Bahkan orang Melayulah yang mengembangkannya ke Pulau Jawa dan merata-rata alam melayu. Dengan

terkembangnya huruf Quran yang bertuah dan mengandungi seribu satu macam rahsia ini, maka terkembanglah agama Islam dan terkembanglah Bahasa Melayu serentak dengan itu, lalu menjalar ke serata-rata gugusan pulau-pulau Melayu.

Sidang pembaca yang dihormati:

Kita sekarang sedang berada dalam zaman propaganda, suatu jenis senjata yang sangat berbahaya, mujurnya, propaganda yang dilancarkan mengenai masalah kita ini, tidak membahayakan, bahkan sebaliknya menggelikan hati.

Misalnya, setengah orang berkata: Orang Melayu tidak akan maju, orang Melayu tidak akan dapat mempelajari ilmu sains, orang Melayu tidak akan dapat mencapai anu anu, jika tidak mereka menukar tulisannya.

Sebenarnya ini bukan sahaja propaganda yang menggelikan hati, bahkan juga menunjukkan orang-orang itu masih perlu mendapat kursus “ilmu propaganda”!

Siapa gerangan yang tidak tahu, bahawa 99 peratus bangsa-bangsa yang mendiami Benua Asia kita ini masih tetap berkekalan menggunakan tulisan mereka masing-masing (bukan Rumi), dan kesemuanya sedang maju dengan derasnya? Bahkan ada di antaranya boleh disifatkan setaraf dengan bangsa-bangsa barat pada serba serbinya!

Di sini ada suatu rahsia yang patut dimenungkan mengapa bangsa-bangsa di benua Asia yang telah memeluk Islam, seperti Parsi, Afghanistan, Pakistan, Melayu dan lain-lainnya, menukar huruf lamanya kepada huruf al-Quran? Pada hal lain-lain bangsa penduduk Asia yang bukan Islam tetap memelihara huruf asal mereka masing-masing?

Ha! Ini dia simpulan rahsia. Dan rahsia itu ialah bahawa bangsa-bangsa yang memeluk Islam adalah berteraskan kebudayaan Islam, sedang kebudayaan Islam

itu pula tidak akan tumbuh dan tidak akan tegak berdiri melainkan dengan dan di atas huruf Islam, iaitu huruf al-Quran!

Islam dan Bahasa Arab ialah ibarat cincin dengan permata, ialah ibarat tutup dengan cambulnya. Dan bahasa Arab itu pula, tidak ada huruf dalam dunia ini yang sesuai dengannya melainkan hurufnya sendiri, hurufaAl-Quran, huruf yang telah menyatu paduan umat Islam dari musyrik sentak ke Maghrib!

Alangkah mulianya tulisan Melayu?

Dan memang pada tempatnya orang Melayu – dari dahulu hingga hari ini dan seterusnya – bermati-mati mempertahankan kedaulatan tulisannya ini daripada ditewaskan oleh sebarang tulisan asing!

Sesungguhnya segala jenis ilmu pengetahuan boleh diajar dengan bahasa Melayu dan dengan tulisan Melayu yang berhurufkan huruf al-Quran ini. Kata-kata istilah asing yang mustahak, bolehlah ditulis dengan rumi dan diberi kaitkan. Kata-kata istilah asing yang berulang-ulang memadai ditulis sekali sahaja dengan rumi seperti yang biasa kita lakukan, dan yang lainnya cukup dengan Melayu. Kaedah yang demikian tidak ada cacat celanya, bahkan sedang dilakukan oleh semua bangsa dunia yang tidak memakai tulisan rumi. Dengan kaedah ini juga kata-kata asing yang mustahak, seperti ahli pengetahuan, nama buku, nama ilmu, nama jawatan dan sebagainya, dapat ditulis dengan rumi dan kita tidak payah menukar tulisan kita!

Apa yang digaduhkan lagi?

Dengan kaedah ini juga makin bertambah penting tulisan rumi itu pula diajarkan dengan lebih luas lagi seperti yang dijalankan oleh pihak radio Malaya sekarang ini. Langkah ini patut dipuji dan disokong serta

mendapat sambutan.

Sebanarnya Islam tidak melarang pemeluknya mempelajari tulisan asing, bahkan digalakkkan sampai mempelajari bahasa-bahasa asing seberapa banyak yang terdaya. Tentang ini junjungan kita Nabi Muhammad *salla Allahu 'alaihi wa alihu wa sallam* bersabda :

*Man ta'lamu lughatu qawmun, amanu min makrihim.*

“Barang siapa mempelajari bahasa sesuatu kaum, terselamatlah ia dari tipu daya mereka.”

Dalam pada itu sayugia diingat! Mempelajari bahasa atau tulisan asing, jangan pula membawa kepada menindas bahasa dan tulisan sendiri. Perkara yang demikian, tidak diredhai Allah dan Rasul-Nya; dan orang-orang yang ada iman sebesar zarah di dalam hatinya tidak sekali-kali akan membiarkan kejadian itu berlaku.

Suatu hakikat lagi yang patut disedari ialah bahawa dalam zaman Melayu merdeka kelak, tulisan rumi - dengan dukungan pemerintah – akan mendapat kedudukan yang istimewa, dan di samping itu tulisan-tulisan Cina dan India tidak akan tersentuh kedudukannya bahkan akan bertambah subur. Jadi, apakah tulisan Melayu? kalau kita umat Islam tidak bersedia mengawal keselamatannya, tidak berikhtiar mengembangkan dan menyebarkannya supaya lebih bersemarak lagi, maka sudah tentu tulisannya yang mengandungi inti sari Islam ini akan hidup: ibarat kerakap tumbuh di batu.

Kesimpulannya, nasib tulisan Melayu ialah bergantung kepada azam dan semangat bangsa Melayu sendiri. Maju dan mundurnya, hidup dan matinya tulisan Islam ini adalah tertanggung di atas masyarakat Islam di Tanah Melayu.

Usahalah wahai umat Islam!

Janganlah mendengarkan guruh di langit, air di tempayan dicurahkan!